

BENTUK KERTAS SOALAN

Mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah diuji dengan satu kertas dan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi tiga pilihan soalan dan bahagian B mengandungi lima pilihan soalan. Calon dikehendaki menjawab lima soalan sahaja daripada kedua-dua bahagian iaitu dua soalan daripada bahagian A dan tiga soalan daripada bahagian B. Masa yang diperuntukkan ialah selama 2 ½ jam (Dua Jam Tiga Puluh Minit). Setiap Soalan diperuntukkan 20 markah. Calon diwajibkan menjawab dengan menggunakan tulisan jawi. Semua item soalan merangkumi aspek kefahaman, pengetahuan, aplikasi dan analisis. Hampir enam puluh peratus soalan adalah dalam bentuk Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK).

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon yang mengambil kertas ini adalah baik. Calon yang memperoleh markah maksima masih pada tahap menyamai pencapaian tahun sebelumnya. Kebolehan dan keupayaan calon dalam menyampaikan fakta dan hujah semakin baik terutama bagi calon dalam kumpulan cemerlang. Namun tidak dapat dinafikan masih ada segelintir calon yang masih gagal menguasai fakta dan tidak mampu mempersembahkan jawapan yang baik.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon dalam kumpulan Tinggi**

Jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kumpulan ini tepat sebagaimana kehendak soalan dan peraturan pemarkahan. Calon dalam kategori ini dapat menguasai keseluruhan kandungan mata pelajaran dengan baik. Calon dapat menguasai pengetahuan kemahiran berfikir yang tinggi dalam setiap soalan yang diajukan. Calon mampu mengemukakan dan menghuraikan fakta dengan baik dan berkesan. Mereka dapat mempersembahkan jawapan dengan kemas dan teratur.

Calon dalam kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan ini dapat menjawab soalan berbentuk pemahaman dengan baik, tetapi kurang berhati-hati dalam menjawab soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK). Kebolehan mengolah dan menyusun fakta hanya pada tahap sederhana sahaja. Isi jawapan yang dikemukakan sering berulang-ulang. Kebanyakan calon kategori ini tidak menjawab soalan yang memerlukan mereka mengingat fakta, terutama soalan Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadis. Mereka kurang memahami teknik menjawab soalan secara berkesan yang menyebabkan mereka kehilangan markah.

Calon dalam kumpulan Rendah

Calon dalam kumpulan ini kurang berhati-hati menjawab soalan bentuk pemahaman dan bentuk Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK). Mereka sering tertinggal fakta dalam jawapan. Calon dalam kumpulan ini kurang dan hampir tidak memahami kehendak soalan dan tidak menepati kehendak peraturan pemarkahan. Segelintir calon tidak dapat menjawab soalan dengan betul. Kebanyakan calon dalam kumpulan ini amat lemah dalam

penguasaan jawi sehingga tulisan tidak boleh dibaca dan difahami oleh pemeriksa. Ada antara calon sekadar menyalin semula soalan tanpa jawapan. Calon kategori ini seolah-olah tidak menguasai mata pelajaran dan tidak bersedia untuk menghadapi peperiksaan.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1 (a) i

Contoh dan Hukum Tajwid

Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik dengan mengemukakan contoh dan cara bacaan yang tepat mengikut kehendak peraturan pemarkahan. Terdapat juga calon yang gagal memberikan contoh dan cara bacaan yang tepat, mereka hanya menyatakan cara bacaan secara umum dan tidak menyakinkan. Calon masih keliru antara hukum tajwid yang dikemukakan. Ada calon yang memberikan potongan ayat yang panjang tanpa dinyatakan tempat hukum yang dimaksudkan. Sebahagian calon yang lain hanya menyatakan contoh tanpa cara bacaan.

Soalan 1 (a) ii

Kefahaman Ayat

Sebahagian besar calon mampu menjawab mengikut kehendak soalan. Mereka mampu mengemukakan cara menghargai jasa kedua ibu bapa dengan tepat dan berkesan. Masih ada calon memberikan jawapan yang tidak kemas dan tidak praktikal. Jawapan yang berulang dan tidak praktikal sebagai cara menghargai jasa kedua ibu bapa.

Soalan 1 (b) i

Kefahaman Hadis

Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan baik dan mendapat markah yang tinggi. Terdapat segelintir calon yang tidak dapat memahami dan menguasai maksud potongan hadis dengan tepat. Ada juga calon yang gagal mengemukakan golongan yang bertanggungjawab menjaga amanah berdasarkan hadis dan seterusnya gagal pula memberikan peranan salah satu golongan yang dimaksudkan dengan tepat. Sebahagian calon tidak memahami maksud hadis dan tidak mampu menjawab soalan dengan tepat.

Soalan 1 (b) ii

Kefahaman Hadis

Sebahagian besar calon dapat mengemukakan peranan golongan yang bertanggungjawab menjaga amanah dengan baik dan mendapat markah yang tinggi. Terdapat calon yang mengemukakan fakta tidak mencukupi, hanya satu fakta yang dikemukakan daripada tiga fakta yang dikehendaki. Calon menerangkan tanggungjawab tanpa menentukan golongan mana yang dimaksudkan. Mereka menyatakan jawapan yang umum seolah-olah boleh mewakili semua golongan.

Soalan 2 (a) i

Hukum Tajwid

Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik dengan menjelaskan hukum dan cara bacaan yang tepat mengikut kehendak peraturan pemarkahan. Calon mampu menjawab dengan baik. Terdapat sebahagian calon yang gagal menentukan hukum tajwid dan cara bacaannya. Masih terdapat calon yang gagal menguasai hukum asas **nun mati** dan **mim mati**. Calon tidak dapat menguasai hukum tajwid dengan tepat dan tidak mampu menyatakan cara bacaan hukum tajwid yang berkenaan seperti yang sepatutnya.

Soalan 2 (a) ii

Melengkapkan Ayat

Calon yang cemerlang dapat melengkapkan ayat dengan baik. Mereka dapat menulis dan mengeja perkataan menggunakan Rasm Uthmani dengan baik dan dengan tulisan yang kemas. Namun terdapat calon yang tidak menguasai dan menghafaz ayat hafazan dengan baik dan mereka gagal menulis dan mengeja dengan tepat. Calon gagal melengkapkan ayat hafazan dengan tepat. Calon tersalah dalam menulis kalimah seperti tertinggal huruf dan terlebih huruf. Mereka juga tidak menulis berdasarkan Rasm Uthmani.

Soalan 2 (b) i

Kefahaman Ayat

Sebahagian calon tidak dapat menguasai dan menjawab dengan tepat. Mereka tidak dapat mengeluarkan daripada ayat tanda kekuasaan Allah. Calon tidak memahami maksud potongan ayat yang disoal. Sebahagian calon tidak memahami maksud ayat dan tidak mampu menjawab dengan tepat. Jawapan yang diberi tidak berkaitan dengan ayat.

Soalan 2 (b) ii

Kefahaman Ayat

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik dan mampu menyenaraikan alam yang dilalui oleh manusia sebelum menuju ke alam Akhirat. Ada calon yang tidak dapat membezakan antara alam Kubur dengan alam Barzakh. Banyak calon yang memberi jawapan yang sama. Calon menyangka alam Kubur dan alam Barzakh adalah alam yang berlainan tetapi sebenarnya adalah sama.

Soalan 2 (b) iii

Kefahaman Ayat

Kebanyakan calon yang cemerlang dapat menguasai soalan ini dan mampu menerangkan pengajaran ayat berdasarkan ayat. Calon yang lemah tidak dapat menerangkannya kerana tidak memahami maksud potongan ayat. Calon menjelaskan pengajaran yang tidak terdapat dalam ayat. Calon memberi jawapan umum yang tiada kaitan dengan ayat.

Soalan 3 (a) i

Kefahaman Ayat

Calon cemerlang dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka menguasai ayat kefahaman dengan baik. Calon yang lemah tidak dapat menjawab kerana tidak memahami maksud potongan ayat. Sebahagian kecil calon tidak memahami maksud hadis dan tidak mampu menjawab dengan tepat.

Soalan 3 (a) ii

Soalan pemahaman berbentuk Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK)

Calon cemerlang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon yang lemah tidak dapat menjawab dengan baik dan berkesan. Sebahagian calon tidak mampu menjawab dengan tepat. Mereka menjawab tentang hikmat beriman dengan hari Kiamat dan bukan hikmat pengadilan Allah.

Soalan 3 (b) i

Kefahaman Hadis

Calon cemerlang dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka menguasai kefahaman hadis dengan baik. Calon yang lemah tidak dapat menjawab kerana tidak memahami maksud potongan hadis. Sebahagian calon tidak memahami maksud hadis dan tidak mampu menjelaskan maksud hadis dengan tepat.

Soalan 3 (b) ii

Soalan pemahaman berbentuk Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK)

Calon cemerlang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat mengemukakan hujah dengan tepat mengapa manusia perlu berdoa. Calon yang lemah sekadar memberi jawapan yang umum sahaja dan kurang menepati kehendak peraturan pemarkahan. Calon memberi jawapan yang sama dan berulang dengan gaya bahasa yang berbeza menyebabkan mereka hanya mendapat markah untuk satu isi sahaja daripada tiga isi yang diperlukan.

Soalan 4 (a) i

Pengertian Mukjizat

Calon cemerlang dapat menjelas pengertian mukjizat dengan tepat. Ada calon tidak dapat memberi pengertian mukjizat dengan tepat. Calon tidak menghafaz takrif dengan sempurna. Segelintir calon memberikan takrif wahyu dan takrif al-Quran sebagai jawapan.

Soalan 4 (a) ii

Mukjizat al-Quran Dari Aspek Kandungan

Calon cemerlang dapat menjelaskan mukjizat al-Quran dari aspek kandungan dengan baik. Sebahagian calon gagal menjawab dengan tepat dan tidak dapat membezakan mukjizat al-Quran dari aspek kandungan dengan aspek bahasa dan sebagainya. Calon memberikan

jawapan dari aspek lain yang tidak berkenaan dan seolah-olah tidak peka dengan kehendak soalan.

Soalan 4 (a) iii

Penemuan Sains Yang Membuktikan Kebenaran al-Quran

Tidak ramai calon yang dapat memberikan contoh penemuan sains yang membuktikan kebenaran al-Quran dengan tepat. Calon keliru antara bahan sejarah dengan penemuan sains. Calon memberikan jawapan tentang penemuan sains bukan penemuan sejarah. Calon juga mengemukakan fakta sejarah yang bukan hasil kajian ahli sains.

Soalan 4 (b) i

Cara al-Quran disebarkan Pada Zaman Rasulullah s.a.w

Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik. Mereka mampu menjelaskan cara penyebaran al-Quran pada zaman Rasulullah bertepatan dengan peraturan pemarkahan. Terdapat calon yang gagal membezakan fakta penyebaran dengan pengumpulan dan penulisan al-Quran pada zaman Rasulullah, jawapan mereka tidak mengikut kehendak soalan. Calon mengemukakan jawapan merangkumi zaman Sahabat dan berikutnya. Ada calon menganggap hafazan sebagai salah satu cara penyebaran.

Soalan 4 (b) ii

Kepentingan Meletakkan Simbul Dan Tanda Baris Dalam Manuskrip al-Quran Zaman Umaiyyah

Sebahagian calon dapat menjawab dengan baik dan dapat menjelaskan kepentingan meletakkan simbul dan baris dalam manuskrip al-Quran pada zaman Umaiyyah. Calon yang lemah gagal mengemukakan jawapan tepat, mereka mengutarakan fakta yang berulang. Calon menerangkan sejarah sebab terhasilnya simbul dan baris pada zaman tersebut dan bukan kepentingan meletakkannya.

Soalan 5 (a) i

Sebab Hadis Mutawatir Paling Tinggi Martabatnya

Majoriti calon yang tidak mampu menjelaskan sebab hadis Mutawatir paling tinggi martabatnya berbanding hadis lain. Calon tidak menyatakan sebab hadis ini menjadi kuat dan tinggi martabatnya hanya memberikan pengertian sahaja. Calon hanya menyatakan pengertian hadis sebagai bukti kekuatan dan ketinggian.

Soalan 5 (a) ii

Pengertian Hadis Masyhur, Hadis Gharib dan Hadis Aziz

Sebahagian calon tidak dapat menerangkan pengertian hadis Masyhur, hadis Gharib dan hadis Aziz dengan tepat. Calon gagal membezakan antara hadis Masyhur, hadis Aziz dan hadis Gharib. Calon keliru dengan susunan hadis dalam soalan berbanding semasa belajar dalam kelas. Calon keliru dengan jumlah perawi bagi setiap kategori hadis yang berkenaan. Calon menjawab mengikut susunan semasa belajar bukan mengikut susunan soalan yang disoal.

Soalan 5 (b) i

Tujuan Penciptaan Hadis Maudu'

Sebahagian besar calon tidak dapat menerangkan tujuan penciptaan hadis Maudu' dengan tepat. Calon tidak memahami apakah sebenarnya maksud hadis Maudu' dan gagal memberikan tujuan penciptaan hadis Maudu'. Terdapat calon yang menyangka hadis Maudu' adalah hadis Sahih. Ada calon memberikan jawapan yang positif kepada hadis Maudu'.

Soalan 5 (b) ii

Pengertian Istilah al-Sunnah, al-Rawi, al-Sanad dan al-Matan

Calon cemerlang dapat menjelaskan pengertian istilah dengan tepat. Sebahagian calon gagal menjawab soalan ini. Ramai calon tidak dapat menguasai pengertian istilah dengan tepat, mereka hanya menjawab secara agakan sahaja. Calon memberikan pengertian yang salah terhadap istilah yang disoal

Soalan 6 (a) i

Jawatan yang diwujudkan oleh Sayyidina Umar al-Khattab

Calon tidak dapat menjawab dengan baik dan memuaskan. Calon tidak dapat memberikan nama jawatan yang diwujudkan pada zaman Umar al-Khattab. Calon keliru antara nama jawatan dengan nama jabatan. Calon memberikan jawatan yang tidak berkenaan. Calon memberi nama jabatan bukan jawatan seperti yang disoal.

Soalan 6 (a) ii

Usaha Umar Menjaga Kebajikan Rakyat

Sebahagian besar calon gagal menjawab mengikut kehendak soalan. Calon menjawab secara umum dan tidak memfokuskan jawapan dalam bidang kebajikan yang dikehendaki oleh soalan. Calon keliru dengan maksud "kebajikan rakyat". Calon keliru dan tertukar fakta antara kanun tanah dengan kebajikan yang dilakukan oleh Umar al-Khattab. Calon memberi jawapan yang tiada kaitan dengan soalan.

Soalan 6 (b) i

Faktor Kejayaan Dakwah Islamiah Zaman Umaiyyah dan Abbasiyyah

Sebahagian besar calon gagal menjelaskan faktor kejayaan dakwah zaman Umaiyyah dan Abbasiyyah dengan baik. Calon keliru antara faktor penyebaran Islam dengan faktor kejayaan dakwah Islam. Calon tidak memfokuskan jawapan kepada zaman Umaiyyah dan Abbasiyyah. Calon menyatakan faktor penyebaran Islam bukan faktor kejayaan dakwah Islam. Majoriti calon menjawab soalan tidak tepat.

Soalan 6 (b) ii

Kesan Penyebaran Islam Kepada Masyarakat Nusantara Dalam Aspek Syariah

Kebanyakan calon dapat menjelaskan kesan penyebaran Islam dengan berkesan. Terdapat calon memberi jawapan yang bukan dalam aspek syariah malah dalam bidang yang lebih umum. Memberi jawapan yang tidak ada kaitan dengan soalan iaitu kesan dalam aspek syariah. Calon memberi jawapan kesan dalam aspek pendidikan dan ekonomi.

Soalan 7 (a) i

Riwayat Hidup Sheikh Idris al-Marbawi

Segelintir calon menjawab soalan ini. Calon tidak mampu menuliskan riwayat hidup tokoh dengan tepat. Kebanyakan calon gagal menguasai fakta dengan tepat. Calon gagal membezakan antara riwayat hidup dengan pendidikan dan sumbangan tokoh. Calon gagal mengemukakan fakta yang tepat tentang tokoh. Calon menyatakan fakta yang tidak berkaitan dengan riwayat hidup. Terdapat fakta yang dikemukakan tertukar dengan fakta tokoh yang lain.

Soalan 7 (a) ii

Sikap al-Marbawi Yang Boleh Dicontohi Untuk Menjadi Pelajar Cemerlang

Tidak ramai calon yang menjawab soalan ini. Calon menjawab secara umum dan tidak menjurus ke arah menjadi pelajar yang cemerlang. Gagal memberi jawapan dengan tepat kerana jawapan tidak memfokuskan kepada aspek untuk menjadi pelajar cemerlang tetapi hanya menyatakan sifat mulia Syeikh Idris yang boleh dicontohi.

Soalan 7 (b) i

Wali Songo

Calon cemerlang dapat menyenaraikan nama Wali Songo dengan tepat. Sebahagian calon tidak dapat menjawab dengan tepat dan tidak dapat mengingat nama Wali Songo seperti yang disoal. Calon tertukar nama Wali Songo dengan nama Khulafa' al-Rasyidin, nama sahabat Rasulullah dan nama tokoh ulama' yang lain kerana tidak berhati-hati dalam memahami soalan.

Soalan 7 (b) ii

Peranan Wali Songo Dalam Penyebaran Islam Di Tanah Jawa

Sebahagian calon dapat menerangkan peranan Wali Songo dan tidak menguasai fakta dengan tepat. Calon memberi jawapan yang umum yang tiada hubungkait dengan peranan Wali Songo. Calon menerangkan aktiviti biasa dakwah yang tidak memfokus kepada usaha yang dilakukan oleh Wali Songo.

Soalan 8 (a) i

Perbezaan Sifat al-Khauf dan al-Raja'

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik dan boleh menerangkan perbezaan antara sifat al-Khauf dan al-Raja'. Terdapat calon gagal memberikan takrif yang tepat tentang kedua-duanya. Calon mengemukakan ciri orang yang bersifat al-Khauf dan al-Raja' dan bukan takrif seperti yang dikehendaki oleh soalan.

Soalan 8 (a) ii

Kelebihan Orang Bersifat al-Khauf dan al-Raja'

Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan yang tepat mengenai kelebihan Orang Bersifat al-Khauf dan al-Raja' seperti kehendak soalan. Ada calon keliru dan tidak dapat membezakan antara ciri dan kelebihan orang yang bersifat al-Khauf dan al-Raja'. Calon memberikan ciri-ciri orang bersifat al-Khauf dan al-Raja' bukan kelebihan seperti yang dikehendaki soalan.

Soalan 8 (a) iii

Cara Merealisasikan Sifat al-Khauf dan al-Raja' Dalam Situasi Tertentu

Sebahagian besar calon gagal menerangkan cara merealisasikan sifat al-Khauf dan al-Raja' dalam situasi yang dikemukakan. Calon memberi jawapan yang umum dan tidak berfokus dan gagal memberikan cara atau langkah yang tepat dan berkesan. Sebahagian besar calon gagal mengemukakan jawapan yang praktikal dan menepati kehendak peraturan pemarkahan

Soalan 8 (b) ii

Konsep Keadilan Sosial

Tidak ramai calon dapat menjawab dengan tepat soalan ini. Calon gagal memberikan maksud Konsep Keadilan Sosial. Calon keliru antara konsep dengan takrif. Jawapan yang dijelaskan tidak memfokus kepada keadilan Islam. Calon keliru dengan konsep dan takrif Keadilan Sosial menurut Islam. Jawapan yang tidak berfokus kepada kehendak soalan

Soalan 8 (b) ii

Cara Merealisasikan Konsep Keadilan Sosial Dalam Situasi Tertentu

Kebanyakan calon yang gagal menjelaskan cara merealisasikan konsep Keadilan Sosial dalam situasi yang dikemukakan. Calon memberikan jawapan yang umum dan kurang praktikal. Calon menjawab secara umum dan tidak berfokus kepada situasi yang dimaksudkan.

SARANAN KEPADA CALON

1. Menguasai sukatan pelajaran dengan baik dengan mengoptimumkan penggunaan buku teks, menguasai konsep dan takrif tertentu, menumpukan pelajaran semasa pengajaran dan pembelajaran, prihatin dengan bentuk soalan dan mengadakan perbincangan secara kumpulan.
2. Membuat nota yang baik dan menarik seperti membuat peta minda dan nota poket.
3. Menguasai dan memahami arahan serta kehendak soalan dengan baik.
4. Menguasai dan menghafaz ayat hafazan yang ditentukan.
5. Menguasai pelajaran asas tajwid dengan baik.
6. Meningkatkan kemahiran menulis dan mengeja ayat al-Quran terutama ayat hafazan.
7. Meningkatkan kemahiran dan penguasaan dalam memahami maksud ayat dan hadis untuk membantu menjawab soalan kefahaman ayat dan hadis.
8. Memperbanyakkan membuat analisis dan latih tubi menjawab soalan tahun sebelumnya.
9. Mengikuti bengkel teknik menjawab soalan.
10. Elakkan menggunakan istilah atau bahasa daerah ketika menjawab soalan.
11. Meningkatkan tahap penguasaan jawi supaya dapat menulis dengan baik dan berkesan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Menghabiskan sukatan pelajaran Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 lebih awal (cadangan pada bulan Julai) supaya masa yang lebih boleh ditumpukan untuk membuat latih tubi secara berterusan.
2. Memberi tumpuan kepada semua bahagian dan kandungan sukatan dan tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek tertentu sahaja seperti mengabaikan bahagian sejarah dan tokoh.
3. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) untuk lebih menarik minat calon.
4. Tubuhkan bank soalan dan dapatkan soalan daripada negeri lain dengan bertukar-tukar soalan.
5. Banyak memberi latihan kepada calon.
6. Mendedahkan kepada calon bentuk soalan dan cara menjawab yang sebenar dan berkesan berasaskan aras soalan dan peraturan pemarkahan yang sebenar dengan menjemput orang yang pakar dan berpengalaman dalam bidang berkenaan.

7. Memantau tahap pencapaian calon dan memberi penekanan kepada bahagian yang tidak dapat dikuasai oleh calon.
8. Memeriksa dan menanda kertas ujian dan peperiksaan sekolah selaras dengan peraturan pemarkahan yang sebenar.
9. Memberikan penekanan kepada memahami maksud ayat dan maksud hadis dengan lebih berkesan.
10. Memperbanyakkan latihan penulisan ayat hafazan dengan mengoptimumkan kesalahan menulis dan mengeja potongan ayat.